

KISAH AL-QURAN MENURUT MANNA' AL-QATTAN

Nurhasma Muhamad Saadⁱ, Wan Moharani Mohammadⁱⁱ, Ab Adly Rabbanie Ab Rahimⁱⁱⁱ,
Yee Chin Yip^{iv} & Muhammad Marwan Ismail^v

ⁱ (Penulis Koresponden). Pensyarah, Universiti Sains Islam Malaysia. nurhasma@usim.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah, Universiti Sains Islam Malaysia. moharani@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Pelajar Pascasiswazah, Universiti Putra Malaysia. adlyrabbanie@gmail.com

^{iv} Pensyarah, Universiti Sains Islam Malaysia. cyee@usim.edu.my

^v Pensyarah, Universiti Sains Islam Malaysia. marwanismail@usim.edu.my

Abstrak

Salah satu isi al-Quran adalah kisah-kisah. Dalam wacana ilmu al-Quran kisah ini disebut dengan kisah al-Quran (*qasas qurani*). Kajian ini bertujuan membincangkan kisah al-Quran menurut Manna' Khalil al-Qattan dalam karya beliau *Mabahith fi Ulum al-Quran*. Melalui pendekatan kualitatif yang menggunakan analisis dokumen karya tersebut berkaitan dengan kisah al-Quran dapat disimpulkan bahawa acuan narasi pemikiran Manna' Khalil al-Qattan adalah berbentuk sejarah gambaran realiti kehidupan masa lalu yang benar-benar terjadi dan jauh dari khayalan. yang memberi penekanan pada kehidupan watak atau tokoh dalam cerita. al-Qattan membahagikan cerita menjadi tiga iaitu: cerita para nabi dan rasul, cerita orang terdahulu yang tidak ditetapkan kenabian dan kerasulannya, dan cerita yang berkaitan dengan masa Nabi Muhammad SAW.

Kata kunci: al-Quran, kisah al-Quran, Manna' al-Qattan, sejarah, realiti kehidupan

PENDAHULUAN

al-Quran sebagai salah satu mukjizat Nabi Muhammad SAW yang paling agung dan terjaga keasliannya hingga hari ini. Tujuan utama dan misi utama al-Quran tidak lain sebagai kitab hidayah (petunjuk) bagi manusia. Selain berisi ajaran, perintah mahu pun larangan, kitab suci ini mengandungi banyak cerita. Dalam al-Quran sendiri, terdapat surah *al-Qasas* yang bererti cerita-cerita sebagai isyarat pentingnya posisi dan peranan cerita dalam al-Quran. Cerita seolah-olah menjadi mediasi al-Quran untuk menyampaikan hidayah. Selain itu, al-Quran seakan-akan menjadikan cerita sebagai salah satu bentuk dalam penyampaian tujuannya. Ini terbukti dengan adanya lebih dari seribu ayat dari keseluruhan ayat al-Quran yang memuatkan tentang cerita-cerita, baik cerita para nabi mahu pun kaum-kaum terdahulu.

Kajian-kajian kisah al-Quran dapat diklasifikasikan ke dalam empat paradigma; pertama kajian dengan paradigma kesusasteraan; kedua kajian dengan paradigma berdasarkan kisah al-Quran dalam kerangka tujuan agama; ketiga kajian dengan paradigma sejarah; keempat kajian dengan paradigma aplikasi teori sastera moden (Moh Wahid Hidayat 2009).

Kajian paradigma sejarah, iaitu menjelaskan bahawa kisah al-Quran adalah gambaran realiti kehidupan masa lalu yang benar-benar terjadi dan jauh dari khayalan. Pemikiran asas kajian ini adalah bahawa kisah al-Quran merupakan realiti

dan bukan imajinasi (al-Qattan 2000,2011). Al-Qattan membahagikan cerita kepada tiga: cerita para nabi dan rasul, cerita orang terdahulu yang tidak ditetapkan kenabian dan kerasulannya, dan cerita yang berkaitan dengan masa Muhammad (al-Qattan 2000, 2011).


METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini merupakan sebuah kajian yang berasaskan pendekatan kualitatif. Data dan maklumat yang diperolehi diproses secara kualitatif mengikut tema khusus iaitu, penulisan karya kisah al-Quran. Data-data diperolehi daripada buku, tesis, artikel jurnal, dan dijalankan menerusi kaedah kepustakaan.

Sementara itu, metode analisis dokumen merupakan analisis berdasarkan kajian kepustakaan. Metode analisis dokumen digunakan pada satu karya yang dibincangkan. Metode analisis kandungan diaplikasikan dalam penelitian karya Manna' Khalil al-Qattan iaitu *Mabahith fi Ulum al-Quran*. Karya ini dianalisis dan merungkaikan pandangan al-Qattan tentang kisah al-Quran.

DAPATAN KAJIAN

Model kisah al-Quran mengikut pemikiran al-Qattan ialah memberi penekanan kepada kehidupan para tokoh cerita, seperti Musa, Ibrahim, Lut dan lain-lain.



PERBINCANGAN

Manna Khalil al-Qattan

Manna Khalil al-Qattan dilahirkan pada bulan Oktober tahun 19925M/1345H di perkampungan Shansour yang terletak di daerah Ashmun di Wilayah Menoufia, Mesir. Perjalanan keilmuannya pada masa kecil dimulai dengan kegiatan menghafal al-Quran di kampungnya. Pendidikan sekolah rendah diselesaikan sebelum usianya menginjak dua belas tahun. Kemudian, beliau melanjutkan pendidikan menengahnya di Lembaga Pengajaran Agama di kota Shebin al-Kam dan mendapat ijazah thanawiyah di sana. Seterusnya beliau melanjutkan pendidikan tingginya di Fakulti Usuluddin Kaherah dan mendapat sarjana. Pada tahun 1951M, beliau mendapat ijazah untuk menjadi pengajar (Adib Fattah Suntoro & Amir Sahidin 2022).

Pada tahun 1953, beliau meninggalkan Mesir dan berpindah ke Arab Saudi untuk mengajar di sekolah-sekolah dan institusi pendidikan hingga tahun 1958. Beliau pernah mengajar di Fakulti Syariah di Riyadh dan Fakulti Bahasa Arab. Selain itu, beliau juga menjawat sebagai pengarah Institut Keadilan Tinggi, kemudian sebagai dekan Pengajian Siswazah (Pascasarjana) di Universiti Islam Imam Muhammad bin Saud dan ketua jawatankuasa Ilmiah Kolej Wanita. Beliau juga telah menjadi penyelia tesis sarjana dan kedoktoran di Universiti Muhammad bin Saud, Ummul Qura dan Universiti Islam Madinah yang berjumlah 1155 (Adib Fattah Suntoro & Amir Sahidin 2022).

Selain itu kapasiti Manna' Khalil al-Qattan sebagai tokoh kelas dunia dibuktikan dengan banyaknya pembabitan beliau dalam persidangan Islam dan simposium ilmiah di dalam dan di luar negara (Arab Saudi). Di antaranya ialah Persidangan Pertama Liga Muslim Dunia, Persidangan Dunia Islam di Karachi, Persidangan Dunia Islam di Baghdad, Persidangan Antarabangsa Ekonomi Islam Makkah al-Mukarramah dan lain-lain.

Manna' al-Qattan seorang ulama yang sangat produktif yang telah menghasilkan banyak karya dalam pelbagai tema. Di antara karya beliau ialah: *Tarikh al-Tafsir wa Manhaj al-Mufassirin*, *Tafsir Ayat al-Ahkam*, *Mabahith fi Ulum al-Quran*, *Nuzul al-Quran ala Saba' al-Ahruf*, *al-Tasyri' wa al-Fiqh fi al-Islam Tarikhan wa Manhajan*, *al-Hadith wa al-Thaqafah al-Islamiyyah*, *Rafu' al-Haraj fi Syariah al-Islamiyyah*, *Wujuh Tahkim al-Syariah al-Islamiyyah*, *Mauqif al-Islam min al-Ishtiraqiyyah* dan lain-lain lagi.

Manna' Khalil al-Qattan meninggal dunia pada hari Isnin 6 Rabi' tahun 1420H bertepatan dengan 19 Julai 1999M pada usia 75 tahun. Beliau disolatkan di Masjid al-Rajhi dan dimakamkan di Riyadh setelah mengidap penyakit kanser hati lebih dari tiga tahun (Adib Fattah Suntoro & Amir Sahidin 2022).

Kisah al-Quran menurut Manna' Khalil al-Qattan

Definisi Kisah al-Quran

Kisah berasal daripada kata *al-qass* yang bererti mencari atau mengikuti jejak. Dikatakan "قصص أثره" ertinya, saya mengikuti atau mencari jejaknya. Kata *al-qasas* adalah bentuk *masdar* (kata terbitan). Firman Allah:

قَالَ ذَلِكَ مَا كُنَّا نَبِغُ فَارْتَدَّا عَلَىٰ آثَارِهِمَا قَصَصًا (٦٤)

"Nabi Musa berkata: "Itulah yang kita kehendaki "; merekapun balik semula ke situ, dengan menurut jejak mereka." (al-Kahfi 18:64).

Kata *qasas* di atas bermaksud kedua orang itu kembali lagi untuk mengikut jejak dari mana keduanya itu datang.

Dan firman-Nya melalui lisan ibu Musa:

وَقَالَتْ لِأُخْتِهِ قُصِّبِي ۖ فَبَصُرَتْ بِهِ ۖ عَن جُنُبٍ ۖ وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ (١١)

"Dan berkatalah ia kepada kakak Musa: "Pergilah cari khabar beritanya". (Maka pergilah ia) lalu dilihatnya dari jauh sedang orang ramai tidak menyedarinya. (al-Qasas 28:11).

Kata "*qussih*" bermaksud: ikutlah jejaknya sampai kamu melihat siapa yang mengambilnya.

Qasas bererti berita yang berurutan. Firman Allah:

إِنَّ هَذَا هُوَ الْقَصَصُ الْحَقُّ ۖ وَمَا مِنَّ إِلَهِ إِلَّا اللَّهُ ۚ وَإِنَّ اللَّهَ هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ (٦٢)

"Sesungguhnya ini ialah kisah-kisah yang benar; dan tiadalah Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah; dan (ingatlah), sesungguhnya Allah, Dia lah jua Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (Sesungguhnya ini adalah berita yang benar) (Ali Imran 3:62).

Dan firman-Nya:

لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةٌ لِّأُولِي الْأَلْبَابِ ۗ مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَىٰ وَلَكِن تَصْدِيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ ۚ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ (١١١)

"Demi sesungguhnya, kisah Nabi-nabi itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran. (Kisah Nabi-nabi yang terkandung dalam Al-Quran) bukanlah ia cerita-cerita yang diada-adakan, tetapi ia mengesahkan apa yang tersebut di dalam Kitab-kitab agama yang terdahulu daripadanya, dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi hidayah petunjuk dan rahmat

bagi kaum yang (mahu) beriman. (Sesungguhnya pada berita mereka itu terdapat Pelajaran bagi orang-orang yang berakal) (Yusuf 12:111).

Sedangkan *al-qissah* bererti urusan, berita, perkara dan keadaan.

Definisi al-Qattan, *Qasas al-Quran* adalah pemberitaan al-Quran tentang hal ehwal umat yang telah lalu, *nubuwwat* (kenabian) yang terdahulu dan peristiwa-peristiwa yang telah terjadi. al-Quran banyak mengandungi keterangan tentang kejadian pada masa lalu, sejarah bangsa-bangsa, keadaan negeri-negeri dan peninggalan atau jejak setiap umat. Ia menceritakan semua keadaan mereka dengan cara yang menarik dan mempesona (al-Qattan 2000, 2011).

Manna' al-Qattan dalam kitabnya yang berjudul *Mabahith Fi Ulum al-Qur'an* memaparkan bahawa *qasas* merupakan bentuk masdar atau kata terbitan yang bererti mengikuti jejak. Sedangkan menurut istilah *qasas* al-Quran adalah pemberitaan al-Quran tentang kondisi atau keadaan umat-umat terdahulu, kenabian-kenabian yang telah lalu dan peristiwa yang telah terjadi di masa lalu. al-Quran banyak sekali menceritakan sejarah umat-umat terdahulu, menyebut banyak negeri dan kampung halaman, menceritakan jejak berbagai kaum serta mengisahkan keadaan kehidupan mereka pada saat itu. Dengan huraian pengertian kisah di atas, maka dapat diambil kesimpulan bahawa kisah merupakan berita tentang peristiwa orang terdahulu yang dimuat di dalam al-Quran yang disampaikan langsung oleh Allah s.w.t melalui kalam-Nya. Kisah dalam al-Quran perlu diyakini kerana benar adanya, bukan hanya fiksi atau rekaan semata-mata namun ada setiap pelajaran yang dapat diambil dari setiap kisahnya.

Pelbagai kisah dalam al-Quran

Kisah dalam al-Quran memiliki beberapa jenis, sebagaimana yang ditulis oleh Manna' al-Qattan (2000, 2011) dalam kitabnya, di antaranya ialah:

a. Kisah Para Nabi

Kisah ini mengandungi dakwah mereka kepada kaumnya, mukjizat-mukjizat yang memperkuat dakwahnya, sikap orang-orang yang memusuhinya, tahap-tahap dakwah dan perkembangannya dan golongan yang mendustakan. Misalnya kisah Nuh, Ibrahim, Musa, Harun, Isa, Muhammad dan nabi-nabi serta rasul yang lain. Kisah ini berkisar tentang seruan ataupun dakwah para Nabi terdahulu kepada kaumnya, terdapat pula di dalamnya kemukjizatan yang diberikan Allah buat memantapkan dakwah mereka guna meyakinkan kenabiannya di hadapan musuh-musuhnya. Sebahagian contoh cerita Nabi dalam al-Quran iaitu kisah Nabi Ibrahim dalam surat al-Baqarah ayat 124, 132 dan surat al-An'am ayat 74-83, kisah Nabi Nuh dalam surat Hud ayat 25-49, kisah Nabi Isa dalam surat al-Maidah ayat 110-120. Serta kisah Nabi Adam, Nabi Musa dan Nabi Muhammad yang sering sekali muncul dalam al-Quran. Dan juga Nabi-nabi yang lainnya.

b. Kisah peristiwa yang telah lalu dan kisah orang-orang selain Nabi

Kisah-kisah yang berhubungan dengan peristiwa-peristiwa yang terjadi pada masa lalu dan orang-orang yang keluar dari kampung halaman, yang beribu-ribu jumlahnya kerana takut mati, kisah Talut dan jalut, dua orang anak Adam, penghuni gua, Zulkarnain, Qarun, orang-orang yang menangkap ikan pada hari Sabtu (*ashabus sabti*), Maryam, *Ashabul Ukhdud*, *Ashabul Fil* dan lain-lain.

Adapun peristiwa yang diceritakan dalam al-Quran selain Nabi iaitu seperti kisah *Ashabul kahfi* dalam surat al-Kahfi ayat 9-26, kisah Dzul Qarnain dalam surah al-Kahfi ayat 83-98, kisah tentang Maryam dalam surah Ali Imran ayat 36-45 serta kisah Qarun dalam surat al-Qasas ayat 76-82, Kisah tentang dua anak Nabi Adam, kisah orang-orang kafir yang dilaknat oleh Allah dan kisah lainnya. Kisah selain Nabi di atas terdapat banyak pelajaran bagi orang-orang yang membacanya dan mengerti. Sama halnya dengan kisah Nabi dan Rasul, kisah di atas juga patut diteladani kerana di samping menceritakan kisah seseorang yang hebat juga menceritakan peristiwa yang jarang terjadi pada masa kini. Sebaliknya terdapat sebahagian cerita yang tidak boleh diteladani seperti cerita Qarun yang kikir tetapi senantiasa diyakini sebagai peringatan yang berguna supaya tidak terjerumus dalam perbuatan yang sama.

c. Kisah peristiwa yang terjadi pada masa Rasulullah SAW

Kisah-kisah yang berhubungan dengan peristiwa-peristiwa yang terjadi pada masa Rasulullah, seperti perang Badar dan perang Uhud dalam surah Ali Imran, perang Hunain dan Tabuk dalam surah al-Taubah, perang Ahzab dalam surah al-Ahzab, hijrah, israh, dan lain-lain. Adapun peristiwa yang terjadi pada masa Rasulullah seperti perang Badar dan perang Uhud dalam surah Ali Imran ayat 124-125, kisah perang Hunain dan perang Tabuk dalam surat al-Taubah ayat 25-26, kisah tentang hijrahnya Rasulullah dan sebagainya. Dalam perihal ini, Allah menggambarkan rihlah kehidupan Nabi Muhammad SAW untuk menguatkan kepercayaan serta keimanan umat Islam supaya dapat mencontohi kebaikan yang sudah dicontohkan Rasulullah dan para sahabatnya, yang mana sangat setia menemani serta membela Nabi dalam apa jua keadaan yang sukar. Juga menjadi motivasi supaya senantiasa berjuang serta rela berkorban di jalan Allah s.w.t.

Faedah Kisah-kisah al-Quran

Kisah-kisah dalam al-Quran mempunyai banyak faedah. Berikut ini beberapa faedah terpenting di antaranya: (al-Qattan 2000, 2011)

1) Menjelaskan asas-asas dakwah menuju Allah dan menjelaskan asas-asas syariat yang dibawa oleh para nabi:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رَسُولٍ إِلَّا نُوحِي إِلَيْهِ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاعْبُدُونِ (٢٥)

“Dan Kami tidak mengutus sebelummu (wahai Muhammad) seseorang Rasul pun melainkan Kami wahyukan kepadanya: "Bahawa sesungguhnya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Aku; oleh itu, beribadatlah kamu kepada-Ku."(al-Anbiya' 21: 25)

2) Meneguhkan hati Rasulullah dan hati umat Muhammad atas agama Allah, memperkuat kepercayaan orang mukmin tentang menangnya kebenaran dan para pendukungnya serta hancurnya kebatilan dan para pembelanya:

وَكُلًّا نَقُصُّ عَلَيْكَ مِنْ أَنْبَاءِ الرُّسُلِ مَا نُثَبِّتُ بِهِ فُؤَادَكَ ۖ وَجَاءَكَ فِي هَذِهِ الْحَقُّ وَمَوْعِظَةٌ وَذِكْرَى لِلْمُؤْمِنِينَ (١٢٠)

“Dan tiap-tiap berita dari berita Rasul-rasul itu, kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad), untuk menguatkan hatimu dengannya. Dan telah datang kepadamu dalam berita ini kebenaran dan pengajaran serta peringatan bagi orang-orang yang beriman.”(Hud 11:120)

3) Membenarkan para nabi terdahulu, menghidupkan kenangan terhadap mereka serta mengabadikan jejak dan peninggalannya.

4) Menampakkan kebenaran Muhammad dalam dakwahnya dengan apa yang diberitakannya tentang hal ehwal orang-orang terdahulu di sepanjang kurun dan generasi.

5) Membongkar kebohongan ahli kitab dengan hujah yang memberikan keterangan dan petunjuk yang mereka sembunyikan, dan menentang mereka dengan isi kitab mereka sendiri sebelum kitab itu diubah dan diganti. Misalnya firman Allah:

﴿ كُلُّ الطَّعَامِ كَانَ حَلَالًا لِّبَنِي إِسْرَائِيلَ إِلَّا مَا حَرَّمَ إِسْرَائِيلُ عَلَى نَفْسِهِ ۚ مِنْ قَبْلِ أَنْ تُنَزَّلَ التَّوْرَةُ ۗ قُلْ فَأْتُوا بِالتَّوْرَةِ فَاتْلُوهَا ۚ إِن كُنْتُمْ صَادِقِينَ (٩٣) ﴾

“Segala jenis makanan dahulu adalah halal bagi Bani Israil, kecuali makanan yang diharamkan oleh Israil (Nabi Yaakub) kepada dirinya sendiri sebelum diturunkan Kitab Taurat. Katakanlah (wahai Muhammad): "(Jika ada makanan yang diharamkan kepada kamu - wahai Bani Israil - sebelum Kitab Taurat diturunkan) maka bawalah kamu Kitab Taurat itu kemudian bacalah akan dia, kalau betul kamu orang-orang yang benar.” (Ali Imran 3:93)

6) Kisah termasuk salah satu bentuk sastera yang dapat menarik perhatian para pendengar dan memantapkan pesan-pesan yang terkandung di dalamnya ke dalam jiwa. Firman Allah:

لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةٌ لِأُولِي الْأَلْبَابِ ۗ مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَىٰ وَلَكِن تَصْدِيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ
 وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ (١١١)

“Demi sesungguhnya, kisah Nabi-nabi itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran. (Kisah Nabi-nabi yang terkandung dalam al-Quran) bukanlah ia cerita-cerita yang diada-adakan, tetapi ia mengesahkan apa yang tersebut di dalam Kitab-kitab agama yang terdahulu daripadanya, dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi hidayah petunjuk dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman.” (Yusuf 12:111)

Pengulangan Kisah dan Hikmahnya

al-Quran banyak mengandungi pelbagai kisah yang diungkapkan berulang-ulang di beberapa tempat. Kadang kala sebuah kisah berulang kali disebutkan dalam al-Quran dan dikemukakan dalam pelbagai bentuk yang berbeza. Di satu tempat ada bahagian-bahagian yang didahulukan, sedangkan di tempat lain diakhirkan. Demikian pula, kadang kala dikemukakan secara ringkas dan kadang kala secara panjang lebar, dan sebagainya. Di antara hikmahnya ialah: (al-Qattan 2000, 2011)

- 1) Menjelaskan retorik al-Quran dalam tingkat paling tinggi. Di antara keistimewaan balaghah (retorik) adalah mengungkapkan sebuah makna dalam pelbagai bentuk yang berbeza. Dan kisah yang berulang itu dikemukakan di setiap tempat dengan uslub yang berbeza satu dengan yang lain serta diungkapkan dalam pola yang berlainan pula, sehingga tidak membuat orang merasa bosan kerananya, bahkan dapat menambah ke dalam jiwanya makna-makna baru yang tidak didapati di saat membacanya di tempat yang lain.
- 2) Menunjukkan kehebatan mukjizat al-Quran. Al-Quran mengemukakan sesuatu makna dalam pelbagai bentuk susunan kalimat di mana salah satu bentuk pun tidak dapat ditandingi oleh sasterawan Arab. Hal ini merupakan tentangan dahsyat dan bukti bahawa al-Quran itu datang dari Allah.
- 3) Memberikan perhatian besar terhadap kisah tersebut agar pesan-pesannya lebih mantap dan melekat dalam jiwa. Hal ini kerana pengulangan merupakan salah satu cara pengukuhan dan indikasi betapa besarnya perhatian terhadap sesuatu perkara. Misalnya kisah Musa dengan Firaun. Kisah ini menggambarkan secara sempurna pergelutan sengit antara kebenaran dengan kebatilan. Dan sekalipun kisah itu sering diulang-ulang, tetapi pengulangannya tidak pernah terjadi dalam sebuah surah.
- 4) Perbezaan tujuan yang kerananya kisah itu diungkapkan. Maka sebahagian dari makna-maknanya diterangkan di satu tempat, kerana hanya itulah yang diperlukan, sedangkan makna-makna lainnya dikemukakan di tempat yang lain, sesuai dengan tuntutan keadaan.

Kisah-kisah dalam al-Quran adalah kenyataan, bukan khayalan

Pernyataan Manna' al-Qattan (2000, 2011) seperti berikut:

“Saya mendapatkan disertasi itu tidak wajar, bahkan sangat berbahaya. Pada prinsipnya disertasi itu menyatakan, kisah-kisah dalam al-Quran merupakan karya seni yang tunduk kepada daya cipta dan kreativiti yang dipatuhi oleh seni, tanpa harus memegang kebenaran sejarah. Dan kenyataannya Muhammad adalah seorang seniman dalam pengertian ini.”

“Atas dasar dan persepsi inilah”, jelasnya lebih lanjut, “mahasiswa itu menulis disertasinya, dari awal sampai akhir. Saya perlu mengemukakan sejumlah contoh yang dapat menjelaskan tujuan penulis disertasi tersebut dan bagaimana cara menyusunnya. Ahmad Amin kemudian mengemukakan sejumlah contoh dari disertasi itu yang membuktikan apa yang dilukiskannya dalam nota ringkasnya itu. Misalnya, persepsi penulis disertasi bahawa kisah dalam al-Quran tidak memegang kebenaran sejarah, tetapi ia sejalan dengan pemerian seorang sasterawan yang memerikan suatu peristiwa secara artistik. Contoh lainnya ialah pandangannya bahawa al-Quran telah menciptakan beberapa kisah, dan bahawa ulama terdahulu telah berbuat salah dengan menganggap kisah *qurani* sebagai sejarah yang dapat dipegangi.

Seorang muslim sejati adalah orang yang beriman bahawa al-Quran adalah *kalamullah* dan suci dari pemerian artistik yang tidak memperhatikan realiti sejarah. Kisah *qurani* tidak lain adalah hakikat dan fakta sejarah yang diungkapkan dalam untaian kata-kata indah dan pilihan serta dalam uslub yang mempersona.

Nampaknya penulis disertasi telah mempelajari seni-seni kisah dalam kesusasteraan dan dia mendapati bahawa di antara unsur asasnya ialah khayalan yang bertumpu pada konsep. Semakin tinggi unsur khayalannya dan jauh dari realiti, maka kisah itu semakin diminati, memikat jiwa dan nikmat dibaca. Kemudian ia menganalogikan kisah *qurani* dengan kisah sasterawi.

Kenyataan Manna' al-Qattan bahawa al-Quran tidaklah demikian halnya. Ia diturunkan dari sisi Yang Maha Bijaksana. Dalam berita-berita-Nya tidak ada kecuali yang sesuai dengan kenyataan. Apabila orang-orang terhormat di kalangan masyarakat enggan berkata dusta dan menganggapnya sebagai perbuatan hina paling buruk yang dapat merendahkan martabat kemanusiaan, maka bagaimana seorang yang berakal dapat menghubungkan kedustaan pada kalam Yang Maha Mulia dan Maha Agung?

Aku adalah Tuhan Yang Hak:

ذَلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ هُوَ الْحَقُّ وَأَنَّ مَا يَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ هُوَ الْبَاطِلُ وَأَنَّ اللَّهَ هُوَ الْعَلِيُّ الْكَبِيرُ (٦٢)

“Bersifatnya Allah dengan kekuasaan dan luas ilmu pengetahuan itu kerana bahawasanya Allah, Dia lah sahaja Tuhan Yang Sebenar-benarnya, dan bahawa segala yang mereka sembah selain dari Allah itulah yang nyata palsuNya. Dan (ingatlah) sesungguhnya Allah jualah Yang Maha Tinggi keadaanNya, lagi Maha Besar (kekuasaanNya).” (al-Hajj 22:62)

Dia mengutus Rasul-Nya dengan hak pula:

إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ بِالْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا ۚ وَإِنْ مِنْ أُمَّةٍ إِلَّا خَلَا فِيهَا نَذِيرٌ (٢٤)

“Sesungguhnya Kami mengutusmu dengan (agama) yang benar, sebagai pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman) dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar); dan tidak ada, sesuatu umat pun melainkan telah ada dalam kalangannya dahulu seorang Rasul pemberi ingatan dan amaran.” (Fatir 35: 24)

وَالَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ هُوَ الْحَقُّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ بِعِبَادِهِ لَخَبِيرٌ بَصِيرٌ (٣١)

“Dan Al-Quran yang Kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad) ialah yang benar (segala-galanya) yang tetap mengesahkan Kitab-kitab yang diturunkan sebelumnya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan sedalam-dalamnya akan keadaan sekalian hambaNya, lagi Maha Melihat dan memerhatikan.” (Fatir 35:31)

يَأْتِيهَا النَّاسُ فَذُجَاءَكُمُ الرَّسُولُ بِالْحَقِّ مِنْ رَبِّكُمْ فَآمِنُوا خَيْرًا لَكُمْ ۚ وَإِنْ تَكْفُرُوا فَإِنَّ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۚ وَكَانَ اللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا (١٧٠)

“Wahai sekalian umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Rasulullah (Muhammad SAW) dengan membawa kebenaran dari Tuhan kamu, maka berimanlah kamu (kerana yang demikian itu) amatlah baiknya bagi kamu. Dan jika kamu kufur ingkar (maka kekufuran kamu itu tidak mendatangkan kerugian apa-apa kepada Allah), kerana sesungguhnya bagi Allah jualah segala yang ada di langit dan di bumi; dan Allah sentiasa Mengetahui lagi Maha Bijaksana.” (al-Nisa 4:170)

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ الْكِتَابِ وَمُهَيِّمًا عَلَيْهِ ۚ فَاحْكُم بَيْنَهُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ ۚ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ عَمَّا جَاءَكَ مِنَ الْحَقِّ ۚ لِكُلِّ لَجَعَلْنَا مِنْكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَا جَا ۚ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَكِنْ لِيَبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ ۚ فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ ۚ إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ (٤٨)

“Dan Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab (Al-Quran) dengan membawa kebenaran, untuk mengesahkan benarnya Kitab-kitab Suci yang telah diturunkan sebelumnya dan untuk memelihara serta mengawasinya. Maka jalankanlah hukum di antara mereka (Ahli Kitab) itu dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kepadamu), dan janganlah engkau mengikut kehendak hawa nafsu mereka (dengan menyeleweng) dari apa yang telah datang kepadamu dari kebenaran. Bagi tiap-tiap umat yang

ada di antara kamu, Kami jadikan (tetapkan) suatu Syariat dan jalan ugama (yang wajib diikuti oleh masing-masing). Dan kalau Allah menghendaki nescaya Ia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam ugama yang satu), tetapi Ia hendak menguji kamu (dalam menjalankan) apa yang telah disampaikan kepada kamu. Oleh itu berlumba-lumbalah kamu membuat kebaikan (beriman dan beramal soleh). Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya, maka Ia akan memberitahu kamu apa yang kamu berselisihan padanya." (al-Maidah 5:48), dan

الْمَرْءُ تِلْكَ ءَايَاتُ الْكِتَابِ ۖ وَالَّذِي أُنزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ الْحَقُّ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يُؤْمِنُونَ (١٣)

"Alif, Laam, Miim, Raa'. Ini ialah ayat-ayat Kitab (Al-Quran); dan apa yang diturunkan kepadamu (wahai Muhammad) dari Tuhanmu adalah benar; tetapi kebanyakan manusia tidak (mahu) beriman." (al-Ra'd 13:1).

Dan semua apa yang dikisahkan Allah dalam al-Quran adalah hak pula:

نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُمْ بِالْحَقِّ ۖ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ ءَامَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَاهُمْ هُدًى (١٣)

"Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) perihal mereka dengan benar; sesungguhnya mereka itu orang-orang muda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan kami tambahi mereka dengan hidayah petunjuk." (al-Kahfi 18:13)

نَتْلُو عَلَيْكَ مِنْ نَبَأِ مُوسَىٰ وَفِرْعَوْنَ بِالْحَقِّ لِقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ (٣)

"Kami bacakan kepadamu (wahai Muhammad) sebahagian dari kisah Nabi Musa dan Firaun dengan keterangan yang benar bagi orang-orang yang beriman." (al-Qasas 28:3)

Kisah merupakan berita tentang peristiwa orang terdahulu yang dimuat di dalam al-Quran yang disampaikan langsung oleh Allah s.w.t melalui kalam-Nya. Kisah dalam al-Quran perlu diyakini kerana benar adanya, bukan hanya fiksi semata-mata namun ada setiap pelajaran yang dapat diambil dari setiap kisahnya. Kisah dalam al-Quran memiliki beberapa jenis iaitu kisah tentang para Nabi, kisah peristiwa yang terdahulu dan orang-orang selain Nabi, kisah peristiwa yang terjadi pada masa Rasulullah. Kisah dalam al-Quran bukanlah dongeng semacam fiksi sebagaimana dalam buku-buku cerita biasanya, sehingga banyak manfaat yang tersirat dalam setiap kisahnya

Pengaruh Kisah-kisah al-Quran dalam Pendidikan dan Pengajaran

Tidak diragukan lagi bahawa kisah yang baik dan cermat akan digemari dan menembus relung jiwa manusia dengan mudah. Segenap perasaan mengikuti alur kisah tersebut tanpa merasa jemu atau kesal, serta unsur-unsurnya dapat dijelajahi

akal hingga ia dapat memetik dari keindahan tamannya aneka ragam bunga dan buah-buahan.

Pelajaran yang disampaikan dengan metode *talqin* dan ceramah akan menimbulkan kebosanan, bahkan tidak dapat diikuti sepenuhnya oleh generasi muda kecuali dengan sulit dan berat serta memerlukan waktu yang cukup lama pula. Oleh kerana itu, maka *uslub qasasi* (narasi) sangat bermanfaat dan mengandungi banyak faedah. Pada umumnya, anak-anak suka mendengarkan cerita-cerita, memperhatikan riwayat kisah, dan ingatannya segera menampung apa yang diriwayatkan kepadanya, kemudian ia menirukan dan mengisahkannya.

Fenomena fitrah kejiwaan ini sudah seharusnya dimanfaatkan oleh para pendidik dalam lapangan pendidikan, khususnya pendidikan agama yang merupakan inti pengajaran dan sokongan guru pendidikan.

Dalam kisah-kisah al-Quran terdapat lahan subur yang dapat membantu kejayaan para pendidik dalam melaksanakan tugasnya dan membekali mereka dengan bekal pendidikan berupa peri hidup para nabi, berita-berita tentang umat dahulu, sunnatullah dalam kehidupan masyarakat dan hal ehwal bangsa-bangsa. Dan semua itu dikatakan dengan benar dan jujur. Para pendidik hendaknya mampu menggunakan kisah-kisah al-Quran itu dengan uslub bahasa yang sesuai dengan tahap pelajar dalam segala tahap. Sejumlah kisah keagamaan yang disusun oleh Sayyid Qutb dan al-Sahhar telah berhasil memberikan manfaat dan berguna bagi anak-anak kita, dengan keberhasilan yang tiada bandingnya. Demikian pula al-Jarim telah menyajikan kisah-kisah al-Quran dengan gaya sastera yang indah dan tinggi, serta lebih banyak analisis mendalam. Alangkah baiknya andaikata orang lain pun mengikuti dan meneruskan metode pendidikan baik ini. (al-Qattan 2000, 2011)

KESIMPULAN

Berdasarkan analisa di atas, kajian ini dapat disimpulkan bahawa kisah al-Quran adalah pemberitaan hal ehwal umat, kenabian dan peristiwa-peristiwa yang terdahulu sebagaimana pandangan Manna' al-Qattan. Kisah al-Quran harus diyakini sebagai kalamullah yang suci, kerana kisah-kisah yang terdapat dalam al-Quran memuat kisah yang pasti kebenarannya dan bermanfaat bagi manusia kerana mengandungi hikmah, faedah, nilai serta pengaruh-pengaruhnya dalam pendidikan mahupun pengajaran yang terdapat dalam al-Quran. Di sini boleh dilihat bahawa model kajian Manna' al-Qattan dalam kisah-kisah al-Quran ini mempunyai signifikan dengan bentuk sastera iaitu pengulangan-pengulangan kisah sejarah yang berlaku dalam surah-surah yang berbeza walaupun wataknya dan latar kisah adalah sama. Dengan pendekatan ini, dapat menarik perhatian para pembaca dan boleh menjadi rujukan dalam mengatasi permasalahan umat dan kehidupan manusia seiring berkembangnya zaman.

RUJUKAN

Al-Quran Karim - Quran.com (2024 Ogos 19)

Adib Fattah Suntoro & Amir Sahidin. 2022. I'jaz al-Quran Dalam Perspektif Manna' Khalil al-Qattan. *BIDAYAH: Studi Ilmu-ilmu Keislaman*. Vol 13, No 4, Jun 2022. 51-71. STAIN Teungku Dirundeng Meulaboh, Aceh Barat.

Manna' al-Qattan. (2011). *Studi Ilmu-ilmu al-Quran*. Terjemahan Mudzakir AS. Bogor: Pustaka Litera AntarNusa.

Manna' Khalil al-Qattan. (2000). *Mabahith Fi Ulum al-Quran*. Kaherah: Maktabah al-Maarif.

Moh. Wakhid Hidayat. (2009). Qasas al-Quran dalam Sudut Pandang Prinsip-prinsip Strukturalisme dan Narasi. *Adabiyat*. Vol. 8, No 1, Jun 2009. 78-93. Fakultas Adab UIN Sunan Kalijaga. Yogyakarta.

Mutia Farida. 2022. *Konflik dalam Kisah Nabi Musa dan Khidir (Studi Atas Tafsir Mafatih al-Ghayb Karya Fakhruddin al-Razi)*. Fakultas Ushuluddin dan Filsafat, Universitas Islam Negeri Sunan Ampel, Surabaya.